

TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA (TUDM) MELAKSANAKAN PENERBANGAN IHSAN KE ATAS BAYI YANG MEMPUNYAI MASALAH JANTUNG

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4146-tentera-udara-diraja-malaysia-tudm-melaksanakan-penerbangan-ihsan-ke-atas-bayi-yang-mempunyai-masalah-jantung

SUBANG, 21 Nov 18 – Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) hari ini telah melaksanakan satu penerbangan ihsan yang membawa seorang bayi berusia 31 hari dari Kuala Terengganu ke Pangkalan Udara Subang bagi mendapatkan *ventilator* serta rujukan pakar di Institut Jantung Negara (IJN).

Bayi kepada Puan Zulaiha binti Mohd Ghani ini telah diterbangkan dengan menggunakan pesawat CN 235 daripada Detasmen No 1 Skuadron yang beroperasi di Pangkalan Udara Subang. Pesawat yang dikendalikan oleh Juruterbang Kapt Emy Hazrie bin Nor Azmi TUDM dan Kapt Mohamed Hafizan bin Mos TUDM selaku pembantu juruterbang bersama 5 orang anak kapal ini telah berlepas daripada Kuala Terengganu pada jam 8.00 pagi dan selamat mendarat pada jam 9.10 pagi di Pangkalan Udara Subang.

Turut mengiringi pesakit adalah ibu kepada bayi tersebut Puan Zulaiha binti Mohd Ghani dan dua orang doktor iaitu Dr Muhammad Hafiz Lutfi bin Yahya serta Dr Teng Cheah Herng.

Telah menjadi tanggungjawab TUDM di dalam memberikan komitmen serta kesungguhan yang tinggi bagi memenuhi keperluan kebajikan masyarakat seumpama ini. Seluruh warga TUDM mendoakan agar pesakit ini diberikan kesembuhan seperti sedia kala.

Tahniah buat juruterbang dan anak kapal pesawat CN 235 dalam melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan jayanya.



